

# 2010 sasaran 30 peratus bumiputera milik ekuiti

UM - 23/3/2007.

**KUALA LUMPUR** 22 Mac - Kerajaan menetapkan tahun 2010 untuk mencapai matlamat dasar pemilikan 30 peratus ekuiti korporat di kalangan bumiputera.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, objektif itu merupakan salah satu sasaran agenda bagi memastikan wujud pembangunan dan pengagihan seimbang antara etnik dan wilayah di negara ini.

Beliau berkata, masih terdapat masalah ketidakseimbangan pendapatan serta pemilikan kekayaan antara etnik.

"Dasar sekurang-kurangnya 30 peratus pemilikan ekuiti di kalangan bumiputera menjelang tahun 2010 merupakan salah satu sasaran agenda bagi memastikan pembangunan dan pengagihan seimbang antara etnik dan wilayah.

"Justeru, dasar sekurang-kurangnya 30 peratus pemilikan ekuiti korporat di kalangan bumiputera akan terus dikekalkan, begitu juga dengan strategi serta program pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat bagi mencapai pembangunan seimbang," katanya.

Abdullah berkata demikian dalam jawapan bertulis kepada soalan **Karpal Singh (DAP-Bukit Gelugor)** di Dewan Rakyat hari ini.

Karpal dalam soalnya meminta Perdana Menteri menyatakan bilakah sasaran 30 peratus pemilikan ekuiti bumiputera dalam ekonomi negara akan ditamatkan bagi memastikan keadilan dan kesaksamaan bagi semua kaum di negara ini.

Menurut Abdullah, pembangunan seimbang telah menjadi agenda pembangunan

negara sejak Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilancarkan.

Ujar beliau, tujuannya adalah untuk memastikan kekayaan negara dapat diagihkan dengan adil serta saksama antara etnik dan wilayah di seluruh negara.

"Salui kesetaraan dan kesaksamaan ekonomi tersebut, kerajaan dapat menjamin dan memastikan wujudnya keharmonian kaum, dan seterusnya membawa kepada kestabilan dan kesejahteraan negara.

"Ia juga boleh membawa kepada penyatuan etnik yang akan menggerakkan pembentukan masyarakat Malaysia yang bersatu padu," tambahnya.

Sementara itu, Abdullah yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri dalam jawapan bertulis kepada soalan **Lim Kit Siang (DAP-Ipoh Timur)** berkata, sebanyak 102 daripada 125 cadangan Suruhan-

jaya Diraja Penambahbaikan dan Pengu- rusan Polis Diraja Malaysia telah dan sedang dilaksanakan.

Beliau berkata, cadangan selebihnya, termasuk penubuhan Suruhanjaya Bebas Salah Laku dan Aduan Polis (IPCMC) pula masih dalam kajian terperinci.

"Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 27 September 2006 mengarahkan Jabatan Peguam Negara untuk mengkaji rang undang-undang penubuhan badan bebas bagi menerima aduan mengenai salah laku polis serta memperakukan konsep dan struktur bersesuaian untuk badan tersebut.

"Kajian mengenainya masih dalam tin- dakan Jabatan Peguam Negara dan akan dikemukakan kepada Mesyuarat Jemaah Menteri setelah kajian selesai," tambah- nya.